

RM681 juta kos cegah hakisan di Terengganu

Kuala Terengganu: Enam projek mencegah hakisan pantai bernilai RM681 juta akan dilaksanakan di negeri ini dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), kata Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Teknologi Hijau negeri, Ir Rosli Othman.

Ia membabitkan pemuliharaan muara Sungai Paka, Dungun (RM150 juta), muara Sungai Merchang, Marang (RM40 juta), muara Sungai Setiu (RM150 juta); naik taraf ban di Pantai Gong Batu, Setiu (RM10 juta); pantai Tok Jemal, Kuala Nerus (RM89.5 juta) dan pemuliharaan di Sungai Besut (RM238.5 juta).

“Kerajaan negeri turut memperuntukkan RM6.6 juta sejak 2013 untuk membiayai projek mencegah hakisan,” katanya

menjawab soalan tambahan Bazzlan Abdul Rahman (BN-Batu Rakit) pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, semalam.

Beliau berkata, RM16 juta diluluskan Kerajaan Persekutuan untuk projek cegah hakisan, masing-masing di Pantai Tanjung Gelam, Kuala Nerus (RM3.9 juta), Pantai Rusila, Marang (RM3.1 juta) dan Pantai Kemasik, Kemaman (RM2.6 juta), Pantai Teluk Lipat, Dungun (RM4.2 juta), Bukit Keluang, Besut (RM1.5 juta) dan Pantai Gong Batu (RM1 juta).

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Terengganu berada dalam senarai lima negeri teratas yang mencatatkan kadar air tidak terhasil (NRW) paling rendah di negara ini, iaitu 31 peratus berbanding 36 peratus di peringkat

nasional dengan daerah Kemaman mencatatkan rekod terbaik pada kadar 25 peratus.

“Memang ada masalah bekalan air di beberapa kawasan terutama di Marang dan Kuala Terengganu, namun kita masih di tangga lima teratas NRW terendah.

“Malah daerah Kemaman berada di tangga kedua paling rendah di seluruh negara,” katanya menjawab soalan tambahan Mohd Abdul Wahid Endut (PAS-Wakaf Mempelam).

Bantu belia ikuti kursus

Menjawab soalan Tengku Hassan Tengku Omar (PAS-Ladang) mengenai Projek Bekalan Air Selatan di Loji Bukit Sah, Kemaman, beliau berkata, projek menelan belanja RM499 juta itu akan dapat menampung keperluan domestik dan

industri di Kemaman, Paka dan Kertih sehingga 2030.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Sumber Manusia, Datuk Rozi Mamat ketika ditemui di luar persidangan, berkata kerajaan negeri meluluskan RM100,000 bagi membantu golongan belia mengikuti kursus mendapatkan lesen kenderaan dan jentera berat seperti bas, lori, traktor dan bot.

“Banyak syarikat menghadapi masalah untuk mendapatkan pemandu kenderaan dan jentera berat walaupun menawarkan gaji tinggi.

“Jadi, kerajaan negeri membantu belia berminat yang tidak mampu membayar kos belajar pemandu untuk mendapatkan lesen,” katanya juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telemong.



Rosli Othman